

BAB 4

BAB KEEMPAT

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji akan menyatakan hasil yang diperolehi daripada analisis data soal selidik dan temubual. Pengkaji akan menyatakan hasil yang diperoleh daripada soal selidik kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita. Tujuan soal selidik tersebut adalah untuk mengetahui dan mengenal pasti sejauh mana tahap kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus selepas pengislaman Saudara Kita, sekaligus untuk mencapai objektif yang ketiga dalam kajian ini. Borang soal selidik meliputi 2 bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A meliputi maklumat latar belakang responden. Bahagian B pula dibahagikan kepada 2 bahagian. Bahagian B1 meliputi maklumat tentang kefahaman dan pengetahuan tentang ibadat khusus merangkumi solat, puasa, zakat dan haji dan bahagian B2 pula meliputi maklumat latar belakang mengenai pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita.

Pengkaji juga akan menyatakan hasil yang diperolehi daripada temu bual terhadap responden. Tujuan temu bual tersebut adalah untuk mencapai kesemua objektif kajian. Soalan temu bual mempunyai 6 soalan. Soalan-soalan ini merangkumi tentang kefahaman dan pelaksanaan dalam ibadat khusus serta masalah, dan usaha Saudara Kita dalam memahami dan melaksanakan ibadat khusus tersebut. Selain itu, responden yang ditemu bual juga mengisi borang soal selidik. Borang soal selidik ini hanya meliputi bahagian A yang merangkumi latar belakang responden. Soal selidik dijalankan terhadap 40 orang Saudara Kita yang terdiri daripada 4 orang lelaki dan 36 orang perempuan. Responden perempuan lebih ketara ramai daripada

responden lelaki iaitu hanya 4 orang. Ini adalah kerana hanya 4 orang lelaki sahaja yang hadir dalam kelas bimbingan Saudara Kita dan kebiasaannya jumlah kehadiran lelaki memang sedikit sahaja berbanding jumlah kehadiran perempuan. Sehubungan ini, pengkaji hanya mendapat 4 orang responden lelaki sahaja yang menjawab borang soal selidik. Manakala temu bual dijalankan terhadap 8 orang Saudara Kita terdiri daripada 4 lelaki dan 4 perempuan.

Carta palang akan digunakan untuk menjelaskan dapatan pada borang soal selidik. Pengkaji juga menyusun dan menganalisis data-data temu bual dalam bentuk jadual. Analisis data kajian ini akan menunjukkan tahap kefahaman dan bagaimana pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita. Pengkaji akan menjelaskan dan membuat ulasan tentang keputusan soal selidik yang diperolehi bagi setiap bahagian dengan menggunakan jadual dan carta palang mengikut peringkat skala nominal dalam bentuk peratus dan akan menjelaskan juga hasil analisis data dan beberapa dapatan berkaitan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji daripada temu bual.

4.2 LATAR BELAKANG RESPONDEN


4.2.1 Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina

Jadual 4.1 : Jadual taburan responden berdasarkan jantina

Jantina	Kekerapan
Lelaki	8
Perempuan	40
Jumlah	48

Rajah 4.1 : Carta Palang Taburan Saudara Kita

(Peratusan Saudara Kita Mengikut Jantina)



Sumber : (Bahagian A dalam borang soal selidik)

Berdasarkan Rajah 4.1, daripada 40 orang Saudara Kita atau responden yang mengisi borang soal selidik adalah terdiri daripada 4 orang Saudara Kita lelaki atau 10% daripada responden lelaki dan 36 orang Saudara Kita perempuan atau 90% daripada responden perempuan.


Manakala daripada 8 orang Saudara Kita atau responden yang ditemu bual adalah terdiri daripada 4 orang Saudara Kita lelaki atau 50% daripada responden lelaki dan 4 orang Saudara Kita perempuan atau 50% daripada responden perempuan.

4.2.2 Latar Belakang Responden Berdasarkan Umur

Jadual 4.2 : Jadual taburan responden berdasarkan umur

Umur (tahun)	Kekerapan
51 ke atas	9
41 – 50	16
31 – 40	16
21 – 30	7
Jumlah	48

Rajah 4.2 : Carta Palang Taburan Saudara Kita



Sumber : (Bahagian A dalam borang soal selidik)

Berdasarkan Rajah 4.2, daripada 40 responden yang dipilih untuk mengisi borang soal selidik adalah terdiri daripada 8 orang atau 20% responden berumur dalam lingkungan 51 tahun ke atas, 13 orang atau 32.5% daripada responden berumur antara 41 hingga 50 tahun, 13 orang atau 32.5% daripada responden pula berumur antara 31 hingga 40 tahun dan 6 orang atau 15% daripada responden pula berumur antara 21 hingga 30 tahun.


Manakala daripada 8 orang Saudara Kita atau responden yang dipilih untuk ditemu bual adalah terdiri daripada 3 orang atau 37.5% responden berumur antara 41 hingga 50 tahun dan 3 orang atau 37.5% daripada responden berumur antara 31 hingga 40 tahun. Responden berumur dalam lingkungan 51 tahun ke atas didapati hanya seorang atau sebanyak 12.5 % dan responden yang berumur antara 21 hingga 30 tahun juga sebanyak 12.5%.

4.2.3 Latar Belakang Responden Berdasarkan Bangsa

Jadual 4.3 : Jadual taburan responden berdasarkan bangsa

Bangsa	Kekerapan
Iban	28
Cina	3
Bidayuh	14
Lun Bawang	1
Kenyah	1
Melanau	1
Jumlah	48

Rajah 4.3 : Carta Palang Taburan Saudara Kita



Sumber : (Bahagian A dalam borang soal selidik)

Berdasarkan Rajah 4.3, daripada 40 responden yang dipilih mengisi borang soal selidik terdiri daripada 22 orang atau 55% responden berbangsa Iban, 3 orang atau 7.5% daripada responden berbangsa Cina, 12 orang atau 30% daripada responden berbangsa Bidayuh dan 3 orang atau 2.5% daripada responden masing-masing berbangsa Lun Bawang, Kenyah dan Melanau.


Manakala daripada 8 orang Saudara Kita atau responden yang dipilih untuk ditemu bual adalah terdiri daripada 6 orang atau 75% responden berbangsa Iban dan 2 orang atau 25% daripada responden berbangsa Bidayuh.

4.2.4 Latar Belakang Responden Berdasarkan Agama Asal

Jadual 4.4 : Jadual taburan responden berdasarkan agama asal

Agama	Kekerapan
Kristian	40
Buddha	3
Bahai	1
Pagan	3
Tiada Agama	1
Jumlah	48

Rajah 4.4 : Carta Palang Taburan Saudara Kita



Sumber : (Bahagian A dalam borang soal selidik)

Berdasarkan Rajah 4.4, daripada 40 responden yang dipilih untuk mengisi borang soal selidik terdiri daripada 34 orang atau 85% responden adalah asalnya beragama Kristian, 3 orang atau 7.5% daripada responden beragama Buddha, 3 orang atau 2.5% daripada responden masing-masing beragama Bahai, Pagan dan tiada agama.


Manakala daripada 8 orang Saudara Kita atau responden yang dipilih untuk ditemu bual adalah terdiri daripada 6 orang atau 75% responden adalah asalnya beragama Kristian dan 2 orang atau 25% daripada responden beragama Pagan.

4.2.5 Latar Belakang Responden Berdasarkan Status Perkahwinan

Jadual 4.5 : Jadual kekerapan responden berdasarkan status perkahwinan

Status Perkahwinan	Kekerapan
Bujang	2
Kahwin	41
Janda / Duda	5
Jumlah	48

Rajah 4.5 : Carta Palang Kekerapan Saudara Kita



Sumber : (Bahagian A dalam borang soal selidik)

Berdasarkan Rajah 4.5, daripada 40 orang Saudara Kita atau responden yang dipilih untuk mengisi soal selidik terdiri daripada 2 orang Saudara Kita atau 5% dalam kalangan mereka belum berkahwin iaitu masih berstatus bujang. Manakala 4 orang atau 10% dalam kalangan mereka ada yang memegang status janda dan 34 orang Saudara Kita atau 85% daripada responden telah pun berkahwin.


Manakala daripada 8 orang Saudara Kita atau responden yang dipilih untuk ditemu bual adalah terdiri daripada 7 orang atau 87.5% dalam kalangan mereka telah pun berkahwin dan hanya seorang responden atau 12.5% yang berstatus janda.

4.2.6 Latar Belakang Responden Berdasarkan Tahap Pekerjaan

Jadual 4.6 : Jadual kekerapan responden berdasarkan tahap pekerjaan

Tahap Pekerjaan	Kekerapan
Kerajaan	9
Swasta	14
Bekerja sendiri	5
Lain-lain	20
Jumlah	48

Rajah 4.6 : Carta Palang Kekerapan Saudara Kita



Sumber : (Bahagian A dalam borang soal selidik)

Berdasarkan Rajah 4.6, daripada 40 orang Saudara Kita atau responden yang dipilih untuk mengisi soal selidik terdiri 5 daripada responden atau 12.5% dalam kalangan

mereka adalah bekerja sebagai kakitangan kerajaan, 13 daripada responden atau 32.5% dalam kalangan mereka yang bekerja di jabatan swasta dan 4 daripada responden lagi atau 10% dalam kalangan mereka yang bekerja sendiri. Manakala yang lain-lain seperti suri rumah dan tidak bekerja terdiri daripada 18 orang Saudara Kita atau 42.5% daripada responden.


Manakala daripada 8 orang Saudara Kita atau responden yang dipilih untuk ditemu bual adalah terdiri daripada 4 orang atau 50% dalam kalangan mereka yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan, 12.5% daripada responden bekerja di jabatan swasta, 12.5% daripada responden lagi hanya bekerja sendiri dan yang lain-lain seperti suri rumah dan bekerja di bawah NGO terdiri daripada 2 orang Saudara Kita atau 25% responden.

4.2.7 Latar Belakang Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan

Jadual 4.7 : Jadual kekerapan responden berdasarkan taraf pendidikan

Taraf Pendidikan	Kekerapan
Sekolah Rendah	13
Sekolah Menengah	27
Sekolah Kolej/Maktab	1
Universiti	3
Lain-lain	4
Jumlah	48

Rajah 4.7 : Carta Palang Kekerapan Saudara Kita



Sumber : (Bahagian A dalam borang soal selidik)

Berdasarkan Rajah 4.7, daripada 40 orang Saudara Kita atau responden yang dipilih untuk mengisi soal selidik terdiri daripada 13 responden atau 32.5% dalam kalangan mereka hanya berpendidikan sekolah rendah dan 23 daripada responden atau 57.5% dalam kalangan mereka berpendidikan sekolah menengah. Manakala yang lain-lain seperti taraf pendidikan diploma dan tidak bersekolah terdiri daripada 4 orang Saudara Kita atau 10% responden.


Manakala daripada 8 orang Saudara Kita atau responden yang dipilih untuk ditemu bual adalah terdiri daripada 4 orang atau 50% dalam kalangan mereka yang berpendidikan sekolah menengah, 12.5% daripada responden berpendidikan kolej atau maktab, dan 3 orang atau 39.5% dalam kalangan mereka pula berpendidikan daripada universiti.

4.2.8 Latar Belakang Responden Berdasarkan Faktor Memeluk Islam

Jadual 4.8 : Jadual kekerapan responden berdasarkan faktor memeluk Islam

Faktor	Kekerapan
Berkahwin	31
Mengikut Keluarga	1
Kehendak Sendiri dan Minat	12
Kepercayaan Dengan Agama Islam	2
Melalui Pembacaan	1
Hidayah Allah	1
Jumlah	48

Rajah 4.8 : Carta Palang Kekerapan Saudara Kita



Sumber : (Bahagian A dalam borang soal selidik)

Berdasarkan Rajah 4.8, dalam kajian ini faktor-faktor memeluk Islam bagi responden yang mengisi soal selidik terdiri daripada 31 orang atau 77.5% responden memberi sebab memeluk Islam adalah kerana faktor perkahwinan, hanya seorang atau 2.5% daripada responden yang memeluk Agama Islam kerana mengikut keluarganya. Manakala faktor kehendak dan minat Saudara Kita itu sendiri terhadap Agama Islam adalah terdiri daripada 7 orang atau 17.5% responden dan sebanyak 2.5% atau seorang daripada responden yang hanya memeluk Agama Islam adalah kerana kepercayaan dan keyakinannya terhadap ajaran Agama Islam.

Manakala didapati faktor-faktor memeluk Islam bagi responden atau Saudara Kita yang telah ditemui bual adalah terdiri daripada 5 orang atau 62.5% responden yang memeluk Agama Islam adalah kerana kehendak dan minat Saudara Kita terhadap Agama Islam itu sendiri, sebanyak 12.5% atau seorang daripada responden yang memeluk Agama Islam adalah kerana faktor kepercayaan dan keyakinannya terhadap Agama Islam dan 12.5% daripada responden juga adalah melalui pembacaan risalah-risalah dan buku tentang agama Islam yang telah menarik minatnya kepada Agama Islam. Manakala sebanyak 12.5% daripada responden lagi memberi sebab memeluk Islam adalah atas faktor hidayah Allah.

4.3 HASIL DAPATAN KAJIAN

4.3.1 Analisis Data Soal Selidik

4.3.1.1 Pengetahuan Terhadap Ibadat Khusus

Ibadah khusus yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji. Dalam jadual dan rajah di bawah, menunjukkan pengetahuan Saudara Kita tentang ibadat khusus.

Jadual 4.9 : Pengetahuan tentang ibadat khusus

		Adakah anda tahu tentang ibadat khusus?		Total
		Ya	Tidak	
Jantina	Lelaki	4	0	4
	Perempuan	30	5	35
Total		34	5	39
Percent		85 %	12.5 %	97.5 %

		Frequency	Percent
		Ya	85
Valid		Tidak	12.5
		Total	97.5
Missing	System	1	2.5
	Total	40	100.0

Rajah 4.9 : Carta Pai Peratusan Pegetahuan Tentang Ibadat Khusus



Sumber : (Bahagian B1 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.9 menunjukkan pengetahuan Saudara Kita tentang ibadat khusus. Analisis dalam rajah 4.9 menunjukkan bahawa 85% responden yang mengetahui dan maklum tentang ibadat khusus dan 12.5% responden tidak mengetahui tentang ibadat khusus.

Manakala dalam data ini adalah mengenai pengetahuan Saudara Kita tentang solat fardhu atau solat lima waktu seperti pengetahuan mereka tentang kewajipan menunaikan solat fardhu, hukum meninggalkannya dan kewajipan menggantikannya seperti dalam jadual di bawah. Di samping itu pengkaji juga menggunakan carta palang untuk menjelaskan peratusan pengetahuan Saudara Kita tentang solat lima waktu.

Jadual 4.10.1 : Pengetahuan tentang kewajipan menunaikan solat fardhu

		Adakah setiap orang Islam wajib menunaikan solat fardhu/wajib?		Total
		Ya	Tidak	
Jantina	Lelaki	4	0	4
	Perempuan	36	0	36
Total		40	0	40
Percent		100 %	0	100 %


Jadual 4.10.2 : Pengetahuan tentang hukum meninggalkan solat lima waktu

		Adakah berdosa meninggalkan solat lima waktu?		Total
		Ya	Tidak	
Jantina	Lelaki	4	0	4
	Perempuan	36	0	36
Total		40	0	40
Percent		100 %	0	100 %

Jadual 4.10.3 : Pengetahuan tentang kewajipan mengqada'kan (ganti) solat fardhu

		Adakah wajib qada' (ganti) solat lima waktu yang pernah ditinggalkan?		Total
		Ya	Tidak	
Jantina	Lelaki	4	0	4
	Perempuan	32	4	36
Total		36	4	40
Percent		90 %	10 %	100 %

Rajah 4.10.1 : Carta Palang Peratusan Pengetahuan Tentang Solat



Sumber : (Bahagian B1 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.10.1, 4.10.2 dan 4.10.3, menunjukkan pengetahuan Saudara Kita tentang kewajipan solat fardhu, meninggalkan solat fardhu adalah berdosa dan kewajipan mengqada'kan solat yang ditinggalkan. Merujuk kepada rajah 4.10, didapati sebanyak 100% daripada responden mengatakan ya dengan persoalan kewajiban solat fardhu terhadap orang Islam dan 100% daripada responden juga memberi

jawapan ya terhadap persoalan meninggalkan solat fardhu adalah berdosa. Manakala persoalan kewajipan mengqada'kan solat yang ditinggalkan, sebanyak 90% yang memberi jawapan ya dan 10% responden yang mengatakan tidak wajib dengan memberi alasan bahawa solat fardhu itu wajib ditunaikan tanpa pernah meninggalkannya. Solat ialah menyembah Allah SWT dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam mengikut rukun tertentu, syarat-syarat sah solat serta dikerjakan pada waktu tertentu. Data di bawah menunjukkan bagaimana pengetahuan Saudara Kita tentang rukun dan syarat sah solat serta pengetahuan mereka tentang semua bacaan dalam solat.

Jadual 4.10.4 : Pengetahuan tentang rukun dan syarat sah solat


		Adakah anda mengetahui tentang rukun-rukun solat dan syarat-syarat sah solat?			Total
Jantina	Lelaki	Ya	Tidak	Kurang Tahu	Total
Jantina	Lelaki	3	0	1	4
Perempuan		30	0	6	36
Total		33	0	7	40
Percent		82.5 %	0	17.5 %	100 %

Jadual 4.10.5 : Pengetahuan tentang semua bacaan solat

		Adakah anda tahu semua bacaan dalam solat?			Total
Jantina	Lelaki	Ya Semua	Tidak Semua	Tidak Tahu Langsung	Total
Jantina	Lelaki	0	4	0	4
Perempuan		13	22	1	36
Total		13	26	1	40
Percent		32.5 %	65 %	2.5 %	100 %

Rajah 4.10.2 : Carta Palang Peratusan Pengetahuan Tentang Solat

Analisis pengetahuan tentang rukun, syarat sah dan bacaan solat



Sumber : (Bahagian B1 dalam borang soal selidik)

Merujuk kepada jadual 4.10.4, didapati sebanyak 82.5% daripada responden mengetahui rukun solat dan syarat-syarat sah solat dan hanya 17.5% daripada responden yang kurang tahu rukun solat dan syarat-syarat sah solat. Manakala jadual 4.10.5 menunjukkan persoalan tentang mengetahui semua bacaan solat daripada kalangan Saudara Kita. Sebanyak 32.5% sahaja yang mengetahui semua bacaan solat berbanding dengan yang tidak tahu semua bacaan dalam solat sebanyak 65% daripada responden dan 2.5% pula yang tidak tahu langsung mengenai bacaan solat.

Berpuasa dalam Islam ialah menahan diri dari lapar dan dahaga dan perkara-perkara yang membatalkan puasa. Puasa bulan Ramadhan ialah puasa yang diwajibkan oleh Allah ke atas semua umat Islam yang cukup syarat melakukannya. Data di bawah menunjukkan tentang pengetahuan Saudara Kita tentang hukum berpuasa di bulan Ramadhan dan perkara yang membatalkan puasa.

Jadual 4.11.1 : Pengetahuan tentang hukum berpuasa di bulan Ramadhan


Jantina	Lelaki	Apakah hukum berpuasa di bulan ramadhan?			Total
		Wajib	Sunat	Harus	
Jantina	Lelaki	4	0	0	4
	Perempuan	34	2	0	36
Total		38	2	0	40
Percent		95 %	5 %	0	100 %

Jadual 4.11.2 : Pengetahuan tentang perkara yang membatalkan puasa

Jantina	Lelaki	Adakah anda tahu perkara yang membatalkan puasa?		Total
		Ya	Tidak	
Jantina	Lelaki	4	0	4
	Perempuan	36	0	36
Total		40	0	40
Percent		100 %	0	100 %

Rajah 4.11 : Carta Palang Peratusan Pegetahuan Tentang Puasa

Analisis pengetahuan tentang puasa



Sumber : (Bahagian B1 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.11.1 menunjukkan pengetahuan Saudara Kita tentang hukum berpuasa di bulan Ramadhan. Analisis dalam rajah 4.11 menunjukkan bahawa sebanyak 95%

daripada responden mengatakan bahawa hukum berpuasa di bulan ramadhan adalah wajib dan hanya 5% daripada responden mengatakan hukumnya adalah sunat. Manakala merujuk kepada jadual 4.11.2, didapati sebanyak 100% daripada responden mengetahui perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa.

Manakala zakat fitrah ialah mengeluarkan sebahagian dari makanan yang utama menurut banyak yang telah ditetapkan oleh syarak, setelah selesai mengerjakan puasa bulan Ramadhan tiap-tiap tahun. Maka, data di bawah menunjukkan pengetahuan Saudara Kita serta peratusan mereka tentang hukum membayar zakat fitrah adalah sunat seperti dalam jadual 4.12. Dalam jadual 4.13 pula menunjukkan pengetahuan Saudara Kita tentang hukum ibadah haji.

Jadual 4.12 : Pengetahuan Saudara Kita tentang zakat

Jantina	Lelaki	Apakah hukum membayar zakat fitrah?			Total
		Wajib	Sunat	Harus	
Jantina	Lelaki	4	0	0	4
	Perempuan	33	2	0	35
Total		37	2	0	39
Percent		92.5 %	5 %	0	97.5 %

		Frequency	Percent
Valid	Wajib	37	92.5
	Sunat	2	5
	Harus	0	0
	Total	39	97.5
Missing	System	1	2.5
	Total	40	100.0

Rajah 4.12 : Carta Pai Peratusan Pengetahuan Tentang Zakat



Sumber : (Bahagian B1 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.12 menunjukkan pengetahuan Saudara Kita tentang hukum zakat fitrah.

Analisis dalam rajah 4.12 menunjukkan bahawa 92.5% daripada responden mengatakan bahawa hukum zakat fitrah adalah wajib dan 5% daripada responden mengatakan bahawa hukum zakat fitrah adalah sunat.

Jadual 4.13 : Pengetahuan Saudara Kita tentang haji

Jantina	Lelaki	Adakah setiap orang Islam wajib menunaikan haji?			Total
		Ya	Tidak	Wajib bagi yang mampu	
		Perempuan	0	33	35
Total		2	0	37	39
Percent		5 %	0	92.5 %	97.5 %

		Frequency	Percent
Valid	Ya	2	5
	Tidak	0	0
	Wajib bagi yang mampu	37	92.5
	Total	39	97.5
Missing	System	1	2.5
	Total	40	100.0

Rajah 4.13 : Carta Pai Peratusan Pengetahuan Tentang Haji



Sumber : (Bahagian B1 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.13 menunjukkan pengetahuan Saudara Kita tentang hukum haji. Analisis dalam rajah 4.13 menunjukkan bahawa 92.5% daripada responden mengatakan bahawa hukum haji adalah wajib bagi yang berkemampuan sahaja dan 5% daripada responden mengatakan bahawa hukum haji adalah wajib.

4.3.1.2 Kefahaman Terhadap Ibadat Khusus

Berdasarkan jadual dan rajah di bawah, data ini menunjukkan bagaimana kefahaman Saudara Kita tentang pengertian ibadat seperti dalam jadual 4.14.1 dan sebab-sebab mengapa mereka tidak memahami pengertian ibadat seperti dalam jadual 4.14.2 .

Jadual 4.14.1 : Kefahaman tentang pengertian ibadat

		Adakah anda faham tentang pengertian ibadat?			Total
		Faham	Tidak Faham	Tidak Pasti	
Jantina	Lelaki	1	0	3	4
	Perempuan	19	3	13	35
Total		20	3	16	39
Percent		50 %	7.5 %	40 %	97.5 %


		Frequency	Percent
Valid	Faham	20	50
	Tidak Faham	3	7.5
	Tidak pasti	16	40
	Total	39	97.5
Missing	System	1	2.5
	Total	40	100.0

Jadual 4.14.2 : Sebab-sebab mengapa tidak memahami pengertian ibadat

		Jika tidak, kenapa? (berpandukan soalan di atas)			Total
		Tidak pernah mempelajari	Tidak mengingati	Terlalu sukar utk memahami	
Jantina	Lelaki	0	0	3	3
	Perempuan	1	3	12	16
Total		1	3	15	19
Percent		2.5 %	7.5 %	37.5 %	47.5 %

		Frequency	Percent
Valid	Tidak pernah mempelajari	1	2.5
	Tidak mengingati	3	7.5
	Terlalu sukar utk memahami	15	37.5
	Total	19	47.5
Missing	System	1	2.5
	Total	20	50.0

Rajah 4.14 : Carta Palang Peratusan Kefahaman Tentang Ibadat



Sumber : (Bahagian B1 dalam borang soal selidik)

Merujuk kepada jadual 4.14.1, didapati sebanyak 50% daripada responden memahami atau faham tentang pengertian ibadat, 40% daripada responden yang tidak pasti bahawa sama ada kefahaman mereka terhadap pengertian ibadat tersebut benar atau salah dan sebanyak 7.5% daripada responden yang tidak faham tentang pengertian ibadat. Ini bermakna sebanyak 50% atau 20 orang daripada responden didapati tidak faham dan tidak pasti tentang pengertian ibadat dengan memberi alasan tertentu. Dengan ini jadual 4.14.2 menunjukkan peratusan bagi alasan-alasan tersebut. Sebanyak 37.5% daripada responden didapati memberi alasan bahawa mereka terlalu sukar untuk memahami maksud atau pengertian ibadat, sebanyak 7.5% pula memberi alasan bahawa mereka tidak mengingati dan 2.5% atau seorang daripada responden telah memberi alasan bahawa dia tidak pernah mempelajari tentang pengertian ibadat.

Dalam jadual dan rajah ini, menunjukkan tentang bagaimana kefahaman Saudara Kita tentang ibadat khusus seperti dalam jadual 4.15 dan kefahaman mereka tentang puasa, zakat dan haji seperti dalam jadual 4.16 di bawah.

Jadual 4.15 : Kefahaman tentang ibadat khusus

		Adakah anda faham tentang apa itu ibadat khusus?			Total
		Tidak	Tidak Pasti	Faham	
Jantina	Lelaki	0	3	1	4
	Perempuan	2	11	23	36
Total		2	14	24	40
Percent		5 %	35 %	60 %	100 %

Rajah 4.15 : Carta Pai Peratusan Kefahaman Tentang Ibadat Khusus



Sumber : (Bahagian B1 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.15 menunjukkan kefahaman Saudara Kita tentang ibadat khusus. Analisis dalam rajah 4.15 menunjukkan bahawa 60% daripada responden mengatakan bahawa mereka faham tentang ibadat khusus iaitu solat, puasa, zakat dan haji. Manakala sebanyak 35% daripada responden menjawab dengan jawapan tidak pasti dan 5% daripada responden tidak faham tentang ibadat khusus.

Jadual 4.16 : Kefahaman Saudara Kita tentang puasa, zakat dan haji

Item	Kekerapan	Peratus
Apakah yang anda faham tentang puasa?		
Menahan diri daripada lapar dan dahaga, melakukan dosa dan setiap perbuatan dan fikiran kita.	19	47.5
Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari disertakan dengan niat.	15	37.5
Puasa ialah sebagai pengajaran kepada kita untuk mengingatkan kita kepada orang miskin.	1	2.5
Puasa itu wajib bagi orang Islam supaya kita dapat memahami erti sabar.	3	7.5
Missing	2	5.0
Jumlah	40	100.0
Tahu tentang zakat? Apakah yang anda faham tentang zakat?		
Ya, membayar zakat dari pendapatan dan zakat fitrah di bulan ramadhan.	2	5.0
Ya, harta yang wajib dikeluarkan apabila telah sampai perkiraannya atau hadnya dan diberikan kepada golongan yang tertentu.	10	25.0
Ya, zakat ialah sama seperti bersedekah terutama kepada anak yatim.	2	5.0
Ya, zakat hanya dibayar bagi yang berkemampuan sahaja.	1	2.5
Ya, zakat adalah untuk menyucikan diri dan harta.	2	5.0
Ya, zakat wajib ditunaikan oleh orang Islam kerana ia merupakan rukun Islam yang ke 4.	6	15.0
Ya, zakat adalah untuk menanam perasaan kasih sayang antara satu sama lain.	2	5.0
Ya, zakat mula diwajibkan dalam bulan sya'ban tahun ke 2 hijrah.	1	2.5
Kurang tahu	9	22.5
Tidak tahu	1	2.5
Missing	4	10.0
Jumlah	40	100.0
Adakah pernah membayar zakat? Jika ya, apa yang anda bayar?		
Pernah, bayar zakat fitrah	29	72.5
Pernah, bayar zakat fitrah dan zakat harta	1	2.5
Pernah, bayar zakat fitrah dan zakat pendapatan	1	2.5
Belum pernah	2	5.0
Pernah	5	12.5
Missing	2	5.0
Jumlah	40	100.0
Adakah anda tahu tentang ibadat haji? Apa yang anda faham tentang haji?		
Ya, menunaikan rukun Islam iaitu ibadah haji yang ke 5 bagi yang berkemampuan.	9	22.5
Ya, ibadah khusus untuk orang Islam iaitu ibadah haji yang ditunaikan di Mekah.	3	7.5
Ya, tahu.	2	5.0
Kurang faham.	2	5.0
Tidak tahu dan tidak faham	17	42.5
Missing	7	17.5
Jumlah	40	100.0

Sumber : (Bahagian B1 dalam borang soal selidik)

Berdasarkan jadual 4.16, hasil kajian mendapati hampir semua responden memahami atau faham tentang puasa iaitu sebanyak 85% daripada responden. Ini dapat dilihat daripada jawapan-jawapan sebagaimana mereka menjelaskan maksud puasa dengan maksud yang betul. Manakala 10% daripada responden atau 4 orang Saudara Kita yang menjelaskan kefahaman mereka dengan menghuraikan maksud puasa itu dengan memberi faedah atau hikmah puasa itu sendiri. Jelas di sini, jawapan seperti ini juga sudah menunjukkan bahawa mereka faham tentang puasa.

Berdasarkan maklumat di dalam jadual di atas. Didapati 22.5% kurang tahu dan 2.5% tidak tahu. Ini menunjukkan bahawa masih ada daripada Saudara Kita yang tidak tahu mengenai zakat. Manakala sebanyak 25% daripada responden yang betul-betul memahami zakat dengan menjelaskan maksud zakat sebenar dan sebanyak 40% daripada responden hanya sekadar mengetahui tentang zakat secara umum sahaja seperti responden mengetahui bahawa zakat merupakan rukun Islam yang keempat dan sebagainya.

Manakala menunaikan pembayaran zakat bagi Saudara Kita hampir kesemua responden pernah membayarnya tetapi sebanyak 5% atau 2 orang responden lagi yang belum pernah membayar zakat. Responden yang pernah membayar zakat fitrah sebanyak 72.5%, sebanyak 2.5% daripada responden pernah membayar zakat fitrah serta zakat harta dan sebanyak 2.5% daripada responden juga yang hanya pernah membayar zakat fitrah serta zakat pendapatan. Ini dapat dilihat pada jadual 14.6.

Berdasarkan jadual 4.16, jadual ini juga menunjukkan tentang kefahaman ibadah haji dalam kalangan Saudara Kita. Didapati sebanyak 42.5% daripada

responden tidak mengetahui tentang haji serta tidak faham mengenainya. Manakala sebanyak 5% kurang faham dan 5% daripada responden juga hanya mengatakan mereka mengetahui tentang haji tanpa menghuraikan apa itu haji. Sebanyak 30% daripada responden juga mengatakan bahawa mereka mengetahui tentang haji iaitu 22.5% daripadanya menjelaskan bahawa haji adalah rukun Islam yang kelima dan merupakan satu tuntutan yang wajib bagi yang berkemampuan sahaja. Manakala sebanyak 7.5% daripadanya menjelaskan secara umum sahaja iaitu ibadah haji ditunaikan di Mekah. Ini jelas menunjukkan bahawa Saudara Kita masih belum sepenuhnya memahami secara jelas tentang ibadah haji ini.

4.3.1.3 Pelaksanaan Amalan Solat

Dalam data ini, kajian ini mengkaji bagaimana pelaksanaan amalan solat dalam kalangan Saudara Kita di USK, Kuching. Berdasarkan jadual-jadual di bawah menunjukkan bagaimana pelaksanaan solat lima waktu mereka, adakah mereka menunaikannya secara berjemaah dan pernahkah mereka menggantikan solat yang tertinggal. Melalui rajah 4.17, kita dapat mengetahui peratusan pelaksanaan amalan solat Saudara Kita.

Jadual 4.17.1 : Pelaksanaan amalan solat fardhu

Jantina	Lelaki	Bagaimakah pelaksanaan amalan solat lima waktu anda?				Total
		Sentiasa penuh	Kadang-kadang tertinggal	Selalu tertinggal	Tidak ada langsung	
Jantina	Lelaki	1	3	0	0	4
	Perempuan	8	25	2	1	36
Total		9	28	2	1	0
Percent		22.5%	70.0%	5.0%	2.5%	100%

Jadual 4.17.2 : Pelaksanaan amalan solat fardhu secara berjemaah

		Adakah anda menunaikan solat lima waktu secara berjemaah?				Total
		Sentiasa berjemaah	Kadang-kadang	Solat tertentu sahaja dilakukan	Tidak ada langsung	
Jantina	Lelaki	1	3	0	0	4
	Perempuan	7	23	4	1	35
Total		8	26	4	1	39
Percent		20%	65%	10%	2.5%	97.5%

		Frequency	Percent
Valid	Sentiasa berjemaah	8	20
	Kadang-kadang	26	65
	Solat tertentu sahaja dilakukan	4	10
	Tidak ada langsung	1	2.5
	Total	39	97.5
Missing	System	1	2.5
	Total	40	100.0


Jadual 4.17.3 : Kekerapan mengqada'kan atau menggantikan solat yang tertinggal

		Pernahkah anda mengqada'kan atau menggantikan solat yang tertinggal?				Total
		Selalu	Kadang-kadang	Tidak pernah menggantikannya	Tidak pernah meninggalkan solat	
Jantina	Lelaki	2	1	1	0	4
	Perempuan	13	20	1	1	35
Total		15	21	2	1	39
Percent		37.5%	52.5%	5.0%	2.5%	97.5%

		Frequency	Percent
Valid	Selalu	15	37.5
	Kadang-kadang	21	52.5
	Tidak pernah menggantikannya	2	5
	Tidak pernah meninggalkan solat	1	2.5
	Total	39	97.5
Missing	System	1	2.5
	Total	40	100.0

Rajah 4.17 : Carta Palang Peratusan Pelaksanaan Amalan Solat

(Analisis Pelaksanaan Amalan Solat Saudara Kita)



Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.17.1, 4.17.2 dan 4.17.3, menunjukkan pelaksanaan amalan solat Saudara Kita iaitu bagaimana pelaksanaan solat lima waktu mereka, adakah mereka menunaikan secara berjemaah dan pernahkah mereka mengqada'kan atau menggantikan solat yang tertinggal. Merujuk kepada rajah 4.17, analisis pelaksanaan amalan solat. Sebanyak 22.5% daripada responden sentiasa penuh melaksanakan amalan solat lima waktu mereka berbanding dengan yang kadang-kadang tertinggal dalam melaksanakan solat iaitu sebanyak 70% daripada responden. Sebanyak 5% daripada responden yang selalu juga yang tertinggal dalam melaksanakan solat fardhu dan 2.5% atau seorang daripada responden yang tidak ada langsung melaksanakan solat fardhu.

Manakala Saudara kita yang menunaikan solat lima waktu secara berjemaah iaitu sebanyak 20% sahaja yang sentiasa berjemaah, sebanyak 60% daripada responden yang hanya kadang-kadang menunaikan solat tersebut secara berjemaah, 10% daripada responden menyatakan bahawa mereka menunaikan solat secara berjemaah mengikut solat tertentu sahaja dan 2.5% pula tidak ada langsung menunaikan solat tersebut secara berjemaah.

Terdapat 37.5% daripada responden menyatakan bahawa mereka selalu mengqada'kan atau menggantikan solat yang tertinggal dan sebanyak 52.5% pula menyatakan bahawa hanya kadang-kadang daripada mereka yang mengqada'kan atau menggantikan solat yang tertinggal, 5% daripada responden yang tidak pernah menggantikan solat yang tertinggal dan 2.5% atau seorang daripada mereka yang tidak pernah meninggalkan solat lima waktu selepas memeluk agama Islam.

Manakala data berikutnya menunjukkan tentang kekerapan solat yang sukar dilakukan oleh Saudara Kita seperti dalam jadual 4.17.4 dan pengkaji menjelaskan lagi dengan menggunakan carta pai untuk peratusan solat yang sukar dilakukan oleh mereka seperti dalam rajah 4.17.4 di bawah.


Jadual 4.17.4 : Kekerapan solat yang dirasakan sukar untuk dilakukan

Waktu solat yang manakah anda rasakan sukar utk melakukannya? (anda boleh menjawab lebih daripada satu jawapan)								
Jantina	L	Subuh	Zohor	Asar	Isyak	Semua Solat	Subuh, zohor dan Asar	Total
		P	19	1	2	2	1	
	Total	22	1	2	2	1	2	35
	Percent	55%	2.5%	5%	5%	2.5%	5%	87.5%

		Frequency	Percent
Valid	Subuh	22	55.0
	Zohor	1	2.5
	Asar	2	5.0
	Isyak	2	5.0
	Semua Solat	1	2.5
	Subuh, Zohor dan Asar	2	5.0
	Zohor dan Asar	5	12.5
	Total	35	87.5
Missing	System	5	12.5
Total		40	100.0

Rajah 4.17.4 : Carta Pai Peratusan Solat Yang Sukar Dilakukan Oleh Saudara Kita

Analisis solat yang sukar dilakukan Saudara Kita



Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.17.4 menunjukkan kekerapan solat yang sukar dilakukan oleh Saudara Kita.

Analisis dalam rajah 4.17.4 menunjukkan 55% daripada responden mengatakan bahawa solat Subuh sahaja adalah solat yang mereka rasakan sukar untuk melakukannya. Sebanyak 12.5% yang mengatakan solat yang sukar solat Subuh dan Zohor. Manakala 5% daripada responden yang mengatakan tiga solat juga sukar untuk dilaksanakan iaitu Subuh, zohor dan Asar. Ada juga daripada responden yang

mengatakan solat Asar sahaja yang sukar dilaksanakan iaitu 5% responden, sebanyak 5% juga daripada responden yang mengatakan solat Isyak sahaja yang sukar dilaksanakan oleh mereka dan sebanyak 2.5% daripada responden mengatakan bahawa solat Zohor sahaja yang sukar dilakukan oleh mereka. Manakala sebanyak 2.5% atau seorang daripada responden yang mengatakan bahawa semua solat adalah sukar untuk dilakukan olehnya.

Berdasarkan jadual di bawah pula menunjukkan kekerapan solat yang biasa dilakukan Saudara Kita secara berjemaah dan carta pai menunjukkan peratusan solat yang biasa dilakukan secara berjemaah oleh Saudara Kita seperti dalam rajah 4.17.5 .


Jadual 4.17.5 : Kekerapan solat yang biasa dilakukan secara berjemaah

Solat apakah yang biasa anda lakukan secara berjemaah? (anda boleh menjawab lebih daripada satu jawapan)							
		Subuh	Maghrib dan Isyak	Asar dan Maghrib	semua solat	Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak	Subuh, Maghrib dan Isyak
Jantina	L	0	0	0	0	0	4
	P	3	13	1	4	1	11
Total		3	13	1	4	1	15
Percent		7.5%	32.5%	2.5%	10%	2.5%	37.5%
							92.5%

		Frequency	Percent
Valid	Subuh	3	7.5
	Maghrib dan Isyak	13	32.5
	Zohor,Asar,Maghrib dan Isyak	1	2.5
	Asar dan Maghrib	1	2.5
	Semua Solat	4	10.0
	Subuh, Maghrib dan Isyak	15	37.5
Missing	Total	37	92.5
	System	3	7.5
	Total	40	100.0

Rajah 4.17.5: Carta Pai Peratusan Solat Yang Biasa Dilakukan Secara Berjemaah

Analisis solat yang biasa dilakukan secara berjemaah



Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.17.5 menunjukkan kekerapan solat yang biasa dilakukan secara berjemaah oleh Saudara Kita. Analisis dalam rajah 4.17.5 menunjukkan 37.5% daripada responden mengatakan bahawa mereka kerap solat Subuh, Maghrib dan Isyak secara berjemaah, sebanyak 32.5% daripada responden yang kerap solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah dan 7.5% daripada responden juga yang sentiasa solat Subuh sahaja secara berjemaah. Manakala sebanyak 2.5% sahaja yang solat Asar dan Maghrib secara berjemaah dan 2.5% yang solat Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak yang dilakukan secara berjemaah. Ini kerana mereka sentiasa bersama keluarga pada waktu solat tersebut dan sering mengikut suami ke surau. Berbeza pula dengan hal ini, hanya 10% daripada responden atau 4 orang Saudara Kita sahaja yang melaksanakan solat penuh secara berjemaah. Mereka dapat melakukan semua solat ini secara berjemaah adalah kerana suami mereka sentiasa mengimamkan solat

mereka, rumah berdekatan dengan masjid atau surau dan mereka juga mengetahui bahawa solat berjemaah adalah lebih baik.

Berdasarkan jadual di bawah menunjukkan kekerapan waktu pelaksanaan solat oleh Saudara Kita di USK, Kuching dan kekerapan tempat pelaksanaan solat mereka secara berjemaah seperti dalam jadual 4.17.7 .

Jadual 4.17.6 : Kekerapan waktu pelaksanaan solat

		Anda selalu menunaikan solat fardhu anda pada:			Total
		Awal waktu solat	Pertengahan waktu solat	Akhir waktu solat	
Jantina	Lelaki	4	0	0	4
	Perempuan	31	4	0	35
Total	35		4	0	39
Percent	87.5 %		10 %	0	97.5 %

		Frequency	Percent
Valid	Awal waktu solat	35	87.5
	Pertengahan waktu solat	4	10
	Akhir waktu solat	0	0
Missing	Total	39	97.5
	System	1	2.5
	Total	40	100.0

Rajah 4.17.6 : Carta Pai Peratusan Kekerapan waktu Pelaksanaan Solat



Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.17.6 menunjukkan kekerapan waktu pelaksanaan solat fardhu bagi Saudara Kita. Analisis dalam rajah 4.17.6 menunjukkan bahawa 87.5% daripada responden melaksanakan solat mereka pada awal waktu solat dengan memberi alasan bahawa solat yang dilaksanakan pada awal waktu akan diberi ganjaran pahala. Selain itu, ada yang memberi alasan melaksanakan solat pada ketika itu kerana untuk mengelak mereka daripada terlupa melaksanakan solat, tidak mahu melengahkan masa sehingga menyebabkan mereka menjadi malas dan ada yang mengatakan bahawa melaksanakan solat di awal waktu kerana sudah menjadi kebiasaan bagi mereka.


Manakala sebanyak 10% daripada responden melaksanakan solat fardhu mereka pada pertengahan waktu solat. Ini kerana mereka terleka dengan kerja-kerja rumah dan hendak menyiapkan dulu urusan mereka sehingga selesai.

Jadual 4.17.7 : Kekerapan tempat pelaksanaan solat secara berjemaah

		Di manakah anda selalu tunaikan solat secara berjemaah?			Total
Jantina	Lelaki	Masjid / Surau	Rumah	Lain-lain	
Jantina	Lelaki	4	0	0	4
Perempuan		24	10	0	34
Total		28	10	0	38
Percent		70%	25 %	0	95 %

		Frequency	Percent
Valid	Masjid/Surau	28	70.0
	Rumah	10	25.0
	Lain-lain	0	0
Missing	Total	38	95.0
	System	2	5.0
Total		40	100.0

Rajah 4.17.7 : Carta Pai Peratusan Tempat Pelaksanaan Solat Berjemaah



Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.17.7 menunjukkan kekerapan tempat melaksanakan solat secara berjemaah bagi Saudara Kita. Analisis dalam rajah 4.17.7 menunjukkan bahawa 70% daripada

responden yang melaksanakan solat fardhu secara berjemaah di masjid dan surau dan 25% daripada responden dan mereka adalah terdiri daripada Saudara Kita perempuan yang melaksanakan solat fardhu mereka secara berjemaah di rumah.

Manakala jadual tersebut menunjukkan bagaimana pelaksanaan solat jumaat bagi Saudara Kita lelaki di USK, Kuching Sarawak seperti dalam jadual 4.17.8 di bawah.

Jadual 4.17.8 : Pelaksanaan solat jumaat bagi Saudara Kita lelaki

Jantina	Lelaki	Selalukah anda ke masjid untuk menunaikan solat jumaat pada hari jumaat? (soalan untuk lelaki sahaja)				Total
		Selalu	Kerap	Kadang-kadang	Tiada langsung	
Jantina	Lelaki	4	0	0	0	4
	Perempuan	0	0	0	0	0
Total		4	0	0	0	4
Percent		100%	0	0	0	100%

Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.17.8, menunjukkan kekerapan pelaksanaan solat jumaat bagi Saudara Kita lelaki. Merujuk kepada jadual ini, didapati sebanyak 100% daripada responden atau semua Saudara Kita lelaki selalu ke masjid untuk menunaikan solat jumaat.

4.3.1.4 Pelaksanaan Amalan Puasa

Berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji menjelaskan bagaimana pelaksanaan amalan puasa Saudara Kita di USK, Kuching menganalisis data-data dengan menggunakan jadual dan rajah seperti di bawah. Jadual 4.18.1 dan 4.18.2 menjelaskan tentang pelaksanaan amalan puasa Saudara Kita dan kekerapan mereka meninggalkan puasa. Manakala bagaimana pula dengan mereka sama ada pernah menggantikan puasa yang telah ditinggalkan atau tidak atau akan menggantikan. Ini akan ditunjukkan dalam jadual 4.18.3 .

Jadual 4.18.1 : Pelaksanaan amalan puasa


		Pernahkah anda berpuasa?		Total
		Pernah	Tidak pernah	
Jantina	Lelaki	4	0	4
	Perempuan	35	1	36
Total		39	1	40
Percent		97.5 %	2.5%	100 %

Jadual 4.18.2 : Kekerapan meninggalkan puasa

		Pernahkah anda meninggalkan berpuasa?		Total
		Pernah	Tidak pernah	
Jantina	Lelaki	4	0	4
	Perempuan	32	3	35
Total		36	3	39
Percent		90 %	7.5%	97.5 %

Valid		Frequency		Percent
		Pernah	Tidak Pernah	
		36	3	
Missing	Total	39		97.5
	System	1		2.5
		40		100.0

Rajah 4.18 : Carta Palang Peratusan Pelaksanaan Amalan Puasa



Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)


Jadual 4.18.1 dan 4.18.2 menunjukkan pelaksanaan amalan puasa dan kekerapan meninggalkan puasa bagi Saudara Kita. Analisis dalam rajah 4.18 menunjukkan bahawa 97.5% daripada responden yang pernah berpuasa dan 2.5% daripadanya tidak pernah berpuasa. Manakala analisis bagi kekerapan yang pernah meninggalkan puasa adalah sebanyak 90% daripada responden pernah meninggalkan puasa dengan memberi alasan sakit dan uzur bagi responden lelaki dan haid, nifas dan sakit bagi responden perempuan. Sebanyak 7.5% yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah meninggalkan puasa.

Jadual 4.18.3 : Menggantikan puasa yang ditinggalkan

		Jika pernah meninggalkan puasa, apakah anda pernah menggantikannya?				Total
Jantina	Lelaki	Pernah	Tidak pernah	Akan menggantikannya	Tidak Pasti	
Jantina	Lelaki	2	1	1	0	4
	Perempuan	29	1	2	0	32
Total		31	2	3	0	36
Percent		77.5%	5%	7.5%	0	90.0%

		Frequency	Percent
Valid	Pernah	31	77.5
	Tidak pernah	2	5
	Akan menggantikannya	3	7.5
	Tidak pasti	0	0
	Total	36	90
Missing	System	4	10
	Total	40	100.0

Rajah 4.18.3 : Carta Pai Peratusan Pelaksanaan Amalan Puasa



Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.18.3, menunjukkan menggantikan puasa yang ditinggalkan oleh Saudara Kita. Merujuk kepada rajah 4.18.3, didapati sebanyak 77.5% daripada responden yang pernah menggantikan puasa yang mereka tinggalkan, 7.5% daripada responden pula tidak pernah menggantikannya dan sebanyak 5% daripada responden belum pernah menggantikannya tetapi menyatakan bahawa mereka akan menggantikan puasa yang ditinggalkan oleh Saudara Kita.

4.3.1.5 Pelaksanaan Amalan Zakat

Berdasarkan jadual dan rajah di bawah menunjukkan tentang pelaksanaan amalan zakat Saudara Kita di USK, Kuching Sarawak. Berdasarkan data ini kita dapat mengetahui adakah Saudara Kita pernah membayar zakat dan jenis zakat yang mereka bayar seperti dalam jadual dan rajah 4.19 .

Jadual 4.19.1 : Pelaksanaan membayar zakat


		Adakah anda pernah membayar zakat?		Total
		Ya	Tidak	
Jantina	Lelaki	4	0	4
	Perempuan	35	1	36
Total		39	1	40
Percent		97.5 %	2.5 %	100 %

Jadual 4.19.2 : Jenis zakat yang dibayar Saudara Kita

		Jika jawapannya ya. Apakah jenis zakat yang anda bayar?		Total
		Zakat fitrah	Zakat fitrah, zakat pendapatan (gaji) dan zakat harta	
Jantina	Lelaki	4	0	4
	Perempuan	31	1	32
Total		35	1	36
Percent		87.5 %	2.5 %	90 %

		Frequency	Percent
Valid	Zakat fitrah	35	87.5.0
	Zakat fitrah, zakat pendapatan (gaji) dan zakat harta	1	2.5
Missing	Total	36	90.0
	System	4	10.0
Total		40	100.0

Rajah 4.19 : Carta Palang Pelaksanaan Amalan Zakat



Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.19.1 menunjukkan pelaksanaan membayar zakat dan jadual 4.19.2 pula menunjukkan jenis zakat yang dibayar bagi Saudara Kita. Analisis dalam rajah 4.19 menunjukkan bahawa 97.5% daripada responden yang pernah membayar zakat dan 2.5% daripadanya tidak pernah membayar zakat. Manakala analisis bagi jenis zakat yang pernah mereka bayar adalah sebanyak 87.5% daripada responden membayar zakat fitrah dan seorang daripada mereka atau 2.5% daripada responden membayar zakat fitrah, zakat pendapatan (gaji) dan zakat harta.

4.3.1.6 Pelaksanaan Amalan Haji


Ibadat haji ialah mengunjungi Baitullah Al-Haram dalam bulan-bulan haji dengan menurut syarat-syarat serta menunaikan segala rukun-rukun dan wajib-wajibnya. Jadual di bawah menunjukkan bagaimana tentang pelaksanaan ibadah haji Saudara

Kita sama ada mereka sudah atau belum menunaikan ibadah haji selama pengislaman mereka.

Jadual 4.20 : Pelaksanaan ibadah haji

		Sudahkah anda menunaikan fardhu haji?		Total
		Sudah	Belum	
Jantina	Lelaki	0	4	4
	Perempuan	3	33	36
Total		3	37	40
Percent		7.5 %	92.5 %	100 %

Rajah 4.20 : Carta Pai Peratusan Pelaksanaan Amalan Haji



Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)

Jadual 4.20 menunjukkan pelaksanaan ibadah haji bagi Saudara Kita. Analisis dalam rajah 4.20 menunjukkan bahawa 92.5% daripada responden yang belum berkesempatan untuk menunaikan fardhu haji dan 7.5% daripada responden atau 3 orang daripada mereka sudah pun mengerjakan ibadah haji dengan menyatakan tahunnya iaitu tahun 2007 dan 2008.

4.3.1.7 Tanggapan Saudara Kita Terhadap Pelaksanaan Ibadat Khusus

Berdasarkan data dalam jadual di bawah, pengkaji juga bertanyakan tentang tanggapan Saudara Kita terhadap pelaksanaan ibadah khusus sama ada berpuas hati atau tidak dengan pelaksanaan ibadah khusus mereka, terutamanya dalam ibadah solat dan puasa. Di samping mengetahui apakah harapan mereka di masa hadapan terhadapan pelaksanaan mereka dalam ibadah khusus.

Jadual 4.21 : Kekerapan dan Peratusan Pelaksanaan Ibadat Khusus

		Adakah anda berpuas hati dengan pelaksanaan ibadat khusus anda, terutama solat dan puasa? Apakah harapan anda di masa depan?				
		Puas Hati		Harapan Masa Depan		
Jantina	Ya	Tidak	Pertingkatkn lagi pengetahuan dan pelaksanaan dlm Ibadat khusus	Semoga dapat melaksanakan ibadah yg berkualiti dan diterima Allah	Ditetapkn iman dan aqidah dlm diri utk m'laksanakan ibadah	
	Lelaki	4	0	2	0	2
Perempuan	26	7	13	17	3	
Total	30	7	15	17	5	
Percent	75%	17.5%	37.5%	42.5%	12.5%	
Missing	3 (7.5%)					
Total	40 (100 %)					

Sumber : (Bahagian B2 dalam borang soal selidik)

Berdasarkan jadual 4.21, hasil kajian mendapati seramai 30 orang Saudara Kita atau 75% daripada responden yang mengatakan bahawa mereka berpuas hati dengan pelaksanaan ibadat khusus terutama solat dan puasa. Manakala 7 orang Saudara Kita atau 17.5% daripada responden belum berpuas hati. Ini kerana sering meninggalkan ibadah solat lima waktu serta ibadah puasa masih belum sempurna dan belum mengetahui banyak tentang ibadah solat.

Jadual 4.21 juga menunjukkan harapan Saudara Kita pada masa depan. Sebanyak 42.5% daripada responden atau 17 orang Saudara Kita berharap semoga mereka dapat melaksanakan ibadat khusus terutama solat dan puasa dengan sempurna, berkualiti dan semoga ibadah mereka diterima di sisi Allah SWT. Sebanyak 37.5% atau 15 orang daripada responden akan berusaha untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan dan pelaksanaan mereka dalam ibadat khusus terutama sekali ibadah solat dan ibadah puasa. Manakala sebanyak 12.5% daripada responden berdoa semoga mereka ditetapkan iman dan aqidah dalam diri untuk kekal melaksanakan ibadat khusus terutama ibadah solat dan ibadah puasa.

4.3.2 Analisis Data Temu Bual

4.3.2.1 Kefahaman Tentang Ibadat Khusus

Berdasarkan analisis data temu bual, pengkaji menganalisiskan data-data temu bual tersebut dengan menggunakan jadual. Manakala jadual berikut menunjukkan tentang kefahaman Saudara Kita tentang ibadat khusus iaitu ibadah solat lima waktu, ibadah puasa di bulan Ramadhan, ibadah zakat dan ibadah haji. Dengan ini, jelas untuk mengetahui sama ada dalam kalangan Saudara Kita di USK, Kuching Sarawak memahami atau adakah mereka faham apa itu ibadat khusus tersebut. Ini dapat dilihat dengan jelas tentang kefahaman Saudara Kita tentang ibadat khusus dalam jadual 4.22 tersebut.

Jadual 4.22 : Kefahaman Saudara Kita Tentang Ibadat Khusus

Soalan temu bual :		
Apakah yang anda faham tentang ibadat khusus?		
DATA-DATA HASIL TEMU BUAL		
R	J	Kefahaman Tentang Ibadat khusus
1	P	Ibadat khusus adalah ibadah yang wajib seperti solat, puasa, zakat dan haji.
2	P	Ibadat khusus adalah ibadah yang wajib seperti solat, puasa, zakat dan haji.
3	P	Ibadat khusus adalah ibadah yang wajib seperti solat, puasa, zakat dan haji.
4	P	<p>Ibadat khusus adalah ibadah yang wajib iaitu solat, puasa, zakat dan haji.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Solat fardhu atau solat lima waktu adalah solat yang diwajibkan oleh Allah SWT. • Puasa yang diwajibkan adalah puasa di bulan Ramadhan. • Umat Islam wajib mengeluarkan zakat kepada yang wajib menerima zakat seperti golongan miskin. Seperti zakat fitrah adalah wajib kepada orang Islam. • Ibadah haji wajib kepada orang yang berkemampuan sahaja.
5	L	Ibadat khusus adalah ibadah yang wajib seperti solat. Dalam Syariat Islam, martabat solat adalah sebagai rukun Islam yang kedua selepas melafazkan syahadah. Maka, ianya wajib dilaksanakan dalam apa jua keadaan dan masa setelah masuk waktunya.
6	L	<p>Ibadat khusus adalah ibadah yang wajib iaitu solat, puasa, zakat dan haji.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Solat fardhu atau solat lima waktu adalah solat yang diwajibkan oleh Allah SWT. Solat ini difardhukan kepada orang Islam dan juga seperti kami muaalaf. • Puasa yang diwajibkan adalah puasa di bulan Ramadhan selama 30 hari. • Setelah mengerjakan ibadah puasa, maka sebagai umat Islam wajib mengeluarkan zakat fitrah. Dikeluarkan kepada yang wajib menerima zakat iaitu ada 8 golongan seperti orang miskin, fisabilillah seperti orang yang menuntut ilmu dan lain-lain lagi. • Ibadah haji wajib kepada orang yang berkemampuan sahaja.
7	L	<p>Ibadat khusus adalah ibadah yang diwajibkan seumpama solat, puasa, zakat dan haji. Ibadat khusus adalah identiti Islam kepada bukan Islam dan jika ibadah khusus tersebut dilaksanakan, ia menjadi bukti ketaatan kita kepada Allah SWT.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Solat adalah satu perintah yang diwajibkan kepada orang Islam. Hendaklah ditunaikan sebagai bukti ketaatan kita kepada Allah dan sebagai muslim yang menunjukkan indentiti Islam itu sendiri. • Puasa, zakat dan haji juga wajib kepada orang Islam untuk menunjukkan identiti Islam dan ia juga membeza kita kepada orang bukan Islam.
8	L	Ibadat khusus adalah ibadah yang wajib iaitu solat, puasa, zakat dan haji. Ibadah ini hendaklah dilakukan secara istiqamah kecuali haji sahaja yang dilaksanakan dengan kemampuan.

R : Responden

J : Jantina, L : Lelaki, P : Perempuan

Sumber : (Maklumat temu bual)

Semua responden mengatakan dan memberi penjelasan tentang ibadat khusus ini adalah ibadah wajib yang merangkumi solat, puasa, zakat dan haji. Menurut responden 4¹, beliau menjelaskan bahawa ibadah solat fardhu atau solat lima waktu adalah solat yang diwajibkan oleh Allah SWT. Manakala ibadah puasa yang diwajibkan adalah puasa di bulan Ramadhan dan umat Islam juga diwajibkan membayar zakat fitrah. Lapan golongan yang berhak menerima zakat seperti golongan miskin.

Ibadah solat lima waktu difardhukan kepada orang Islam dan juga muaalaf dan begitu juga dengan ibadah puasa yang diwajibkan kepada kita adalah pada bulan Ramadhan. Setelah mengerjakan ibadah puasa, maka sebagai umat Islam juga wajib mengeluarkan zakat fitrah. Zakat ini dikeluarkan kepada yang berhak menerima zakat iaitu 8 golongan seperti orang miskin, fisabilillah seperti orang yang menuntut ilmu dan lain-lain lagi. Ini juga ditegaskan oleh responden 6².

Manakala responden 5³ menjelaskan bahawa martabat solat adalah sebagai rukun Islam yang kedua selepas melafazkan syahadah. Maka, ianya wajib dilaksanakan dalam apa jua keadaan dan masa setelah masuk waktunya. Berbeza dengan penjelasan responden 7⁴, beliau menyatakan bahawa Ibadat khusus adalah sebagai lambang identiti Islam yang ditunjukkan kepada bukan Islam dan jika ibadah khusus tersebut dilaksanakan, ia menjadi bukti ketakutan kita kepada Allah SWT. Maka, solat adalah satu perintah yang diwajibkan kepada orang Islam dan hendaklah ditunaikan sebagai bukti ketakutan kita kepada Allah dan sebagai muslim, kita harus menunjukkan identiti Islam itu sendiri. Maka, ibadat ini hendaklah dilakukan secara

¹ Rasyidah Abdullah, Penolong Pengurus Pentadbiran USK, Temu bual pada 21 Julai 2011.

² Abdul Mutalib Abdullah, Pembantu Hal Ehwal Islam JAIS, Temu bual pada 22 Julai 2011.

³ Nizam Abdullah, Guru Agama, Temu bual pada 21 Julai 2011.

⁴ Yaakub Abdullah, Eksekutif JAIS, Temu bual 22 Julai 2011.

istiqamah dalam kehidupan kita sebagai seorang Islam. Ini ditegaskan oleh responden 8⁵. Selain itu, keseluruhannya responden menjelaskan bahawa ibadah haji hukumnya fardhu ain atau wajib ke atas orang yang berkuasa atau yang berkemampuan mengerjakannya sekali seumur. Data-data hasil temu bual ini ditunjukkan dalam jadual 4.22 .

4.3.2.2 Pelaksanaan Ibadat Khusus : Dahulu Dan Sekarang

Berdasarkan jadual 4.23 menunjukkan bahawa bagaimana pelaksanaan ibadat khusus Saudara Kita di USK, Kuching ini sama ada berpuas hati dengan pelaksanaan ibadah solat lima waktu, puasa, zakat dan haji sepanjang pengislaman mereka daripada dahulu dan sekarang.

Jadual 4.23 : Pelaksanaan Ibadat Khusus Saudara Kita : Dahulu Dan Sekarang

Soalan temu bual :			
Bagaimakah pelaksanaan ibadat khusus anda, adakah anda berpuas hati dengan pelaksanaannya? Dahulu dan sekarang ?			
DATA-DATA HASIL TEMU BUAL			
R	J	Dahulu	Sekarang
1	P	Pada mula memeluk Islam, saya sangat susah untuk melakukannya.	Saya belum berpuas hati dengan pelaksanaan ibadat khusus iaitu solat dan puasa setakat ini. Saya masih dalam belajar dan saya baru lagi.
2	P	Saya memang sudah banyak belajar tentang Islam sebelum masuk Islam. Minat saya dengan Islam dari sekolah rendah lagi. Apabila masuk Islam, saya seronok, mudah untuk melaksanakan solat dan puasa. Solat fardhu saya tak pernah tinggal. Setelah setahun berlalu, saya difitnah mengatakan saya bawa ajaran sesat. Sejak dari itu, saya mula tinggalkan solat dan tak pernah solat lagi.	Sekarang saya dah mula bertarikh semula selepas dua tahun berlalu. Alhamdulillah, kerana hidayah Allah datang semula. Saya kembali bersemangat dan cuba untuk tidak meninggalkan solat lagi. Setakat ini, ibadah solat, puasa dan zakat dapat dilaksanakan dengan baik. Saya akan terus berdoa untuk melaksanakan ibadah tersebut dengan baik.

⁵ Mohd Amir Ridhuan Abdullah, Pegawai Kerajaan, Temu bual 22 Julai 2011.

Jadual 4.23 : Sambungan

Soalan temu bual :

Bagaimanakah pelaksanaaan ibadat khusus anda, adakah anda berpuas hati dengan pelaksanaannya? Dahulu dan sekarang ?

DATA-DATA HASIL TEMU BUAL

R	J	Dahulu	Sekarang
3	P	Pada mula memeluk Islam, saya sangat susah untuk melakukannya.	Saya belum berpuas hati dengan pelaksanaan ibadah solat, puasa dan zakat. Ini kerana, pasti sentiasa ada perkara baru yang saya pelajari sehingga saya tahu bahawa ada kesilapan yang saya lakukan.
4	P	Pada mula memeluk Islam, saya sangat susah untuk melakukannya.	Saya belum berpuas hati dengan pelaksanaan ibadah solat, puasa dan zakat kerana saya inginkan lebih baik lagi dan saya akan berusaha untuk yang terbaik.
5	L	Pada mula memeluk Islam, saya sangat susah untuk melakukannya.	Alhamdulillah, saya cukup berpuas hati dengan pelaksanaan solat, puasa dan zakat setakat ini.
6	L	Pada mulanya saya memeluk Islam, janggal dan susah untuk mempraktikkan Islam dan ibadat khusus itu sendiri kerana ketika itu saya tidak faham. Apabila sudah lama mempelajari serta faham dan mengetahui lebih mendalam akan faedah dan kebaikannya. Maka, baru saya melakukan sebaik mungkin.	Setakat ini, Alhamdulillah. Setelah membuat teori, saya dapat mempraktikkan apa yang dipelajari, cuba mempelajari hukum hakam Islam, cuba mempraktik apa yang di suruh dan apa yang ditegah oleh Agama Islam. Segala perbuatan itu bergantung dengan niat, maka perbuatan kita adalah kerana Allah SWT.
7	L	Pada mulanya, memang sangat susah untuk melaksanakan. Tetapi apabila sudah lama mempelajari dan faham. Maka, mempraktik dan melaksanakan ibadat khusus tersebut menjadi mudah.	Alhamdulillah, bersyukur kerana faham dan cuba untuk tunaikan dan laksanakan sebaik mungkin. Seperti solat, kalau terlupa untuk solat rasa seperti ada kekurangan dalam kehidupan ini. Begitu juga dengan puasa dan zakat dapat dilaksanakan dengan baik. Ibadat khusus ini adalah satu keperluan untuk membuktikan kita adalah seorang muslim.
8	L	Pada mula memeluk Islam, saya memang sangat susah untuk melakukannya.	Alhamdulillah, saya masih istiqamah dengan pelaksanaan ibadat khusus sehingga ke hari ini.

R : Responden

J : Jantina, L : Lelaki, P : Perempuan

Sumber : (Maklumat temu bual)

Hasil kajian mendapati semua responden menyatakan bahawa pelaksanaan ibadat khusus terutama solat dan puasa mereka pada mula memeluk Islam adalah sangat sukar untuk melaksanakannya atau mempraktikkannya. Ini kerana pada masa itu, mereka belum memahami dan masih bertarikh untuk berusaha mempelajari, memahami, mengetahui dan mempraktikkan Islam dalam kehidupan baru mereka sebagaimana yang dinyatakan responden ⁶ di dalam jadual.

Walaupun hampir semua responden menyatakan bahawa pada mulanya sukar dan janggal dalam melaksanakan ibadat khusus mereka, namun ada responden yang sudah merasa seronok dan mudah untuk melakukan solat dan puasa setelah bergelar sebagai seorang Islam. Ini kerana responden tersebut sudah mempelajari tentang Islam sebelum memeluk Islam lagi iaitu ketika di bangku sekolah rendah dan berpeluang setelah umur yang dibenarkan untuk memeluk Islam tanpa meminta kebenaran daripada ibu bapa. Tetapi pelaksanaan solat fardhunya terus berlalu ditinggalkan oleh kerana penerimaan masyarakat Islam terhadapnya sepertimana yang dinyatakan oleh responden ⁷ di dalam jadual.

Setelah dua tahun berlalu, hidayah Allah kembali semula dan ini telah mengembalikan semula semangatnya untuk melaksanakan ibadah solat. Selain itu, kerana kerena anak-anaknya juga telah menyentuh hatinya dan mula memberi kesedaran kepadanya. Dan sekarang responden ini telah berusaha dan dapat melaksanakan ibadah solat, puasa dan zakatnya dengan baik sebagaimana yang dijelaskannya lagi.

⁶ Abdul Mutalib Abdullah, *op.cit.*

⁷ Nurul Zarina Abdullah, Suri Rumah, Temu bual 19 Julai 2011.

Selain itu, ada juga responden-responden yang mengatakan bahawa mereka masih belum berpuas hati dengan pelaksanaan ibadat khusus iaitu ibadah solat, puasa dan zakat mereka buat masa sekarang. Inlahi yang dikatakan oleh responden 1, responden 3 dan responden 4. Menurut responden 1⁸, pelaksanaannya dalam ibadat khusus seperti solat dan puasa belum mencapai kepada kepuasan dalam dirinya kerana masih dalam pembelajaran dan beliau juga masih baru dalam agama Islam itu sendiri. Manakala responden 3⁹ menjelaskan bahawa masih banyak kesalahan yang ditemui pada setiap perbuatan serta pelaksanaan dan banyak perkara yang baru kita pelajari, maka sebab itu beliau belum berpuas hati dengan keadaan pelaksanaanya dalam ibadat khusus seperti solat, puasa dan zakat. Menurut responden 4¹⁰, kepuasan dalam melaksanakan ibadah solat, puasa dan zakat tidak akan tercapai dalam diri kerana keinginannya hendak mencapai yang lebih baik lagi dalam pelaksanaan ibadah tersebut.

Selain itu, hanya seorang responden yang menyatakan bahawa beliau setakat ini berpuas hati dengan pelaksanaannya dalam ibadah solat, puasa dan zakat. Penjelasan ini dinyatakan oleh responden 5¹¹ sebagaimana yang boleh dilihat dalam jadual.

Ada juga responden yang menyatakan bahawa selama mereka memeluk Islam, mereka bersyukur kerana dapat melaksanakan atau mempraktikkan apa yang dipelajari dan akan cuba mempraktikkan hukum hakam Islam dalam kehidupan mereka. Berpegang dengan prinsip ” melakukan apa yang diperintah dan apa yang dilarang oleh agama Islam” dan setiap perbuatan itu hendaklah dengan niat kerana

⁸ Qurratul Ain Rantai Abdullah, Polis, Temu bual 19 Julai 2011.

⁹ Siti Nursiah Abdullah, Bekerja sendiri. Temu bual 19 Julai 2011.

¹⁰ Rasyidah Abdullah, *op.cit.*

¹¹ Nizam Abdullah, *op. cit.*

Allah SWT. Penjelasan ini dinyatakan oleh responden 6¹² sebagaimana yang boleh dilihat dalam jadual.

Manakala responden 7¹³, menjelaskan bahawa ibadat khusus ini adalah satu keperluan untuk membuktikan kita adalah seorang muslim. Maka, dia sangat bersyukur kerana faham dan cuba untuk melakukan atau melaksanakan ibadah solat, puasa dan zakat dengan sebaik mungkin. Responden ini juga telah memberi pendapat tentang solat dalam kehidupannya, sekiranya solat yang sudah bersemedi dalam kehidupan jika ditinggalkan atau terlupa untuk melaksanakannya, beliau merasakan ada kekurangan dalam kehidupan ini sebagaimana dijelas dalam jadual.

Pelaksanaan ibadah solat, puasa zakat dapat dilaksanakan dengan baik dan bersyukur masih melakukannya dengan istiqamah. Ini dijelaskan oleh responden 8¹⁴ di dalam jadual.

4.3.2.3 Usaha Mempertingkatkan Kefahaman Dan Pelaksanaan Ibadat Khusus

Berdasarkan jadual di bawah, ia menunjukkan tentang bagaimana usaha Saudara Kita mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman agama khususnya ibadat khusus dan memperelokkan pelaksanaan ibadat khusus seperti ibadah solat dan ibadah puasa mereka. Ini dapat dilihat dalam jadual 4.24 .

¹² Abdul Mutalib Abdullah, *op.cit.*

¹³ Yaakub Abdullah, *op. cit.*

¹⁴ Mohd Amir Ridhuan Abdullah, *op.cit.*

Jadual 4.24 : Usaha Mempertingkatkan Kefahaman Dan Pelaksanaan Ibadat Khusus

Soalan temu bual :

Apakah usaha anda untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman agama khususnya ibadat khusus dan memperelokkan pelaksanaan ibadat khusus seperti solat dan puasa anda?

DATA-DATA HASIL TEMU BUAL

R	J	Usaha Saudara Kita dalam mempertingkatkan kefahaman dan memperelokkan pelaksanaan ibadat khusus
1	P	<ul style="list-style-type: none"> • Membaca buku, bertanya dengan ustaz, pergi ke kelas yang disediakan.
2	P	<ul style="list-style-type: none"> • Membaca buku, bertanya dengan kawan-kawan dan ustaz dan pergi kelas. • Dakwah melalui televisyen seperti rancangan <i>Al-Kuliyyah</i>, <i>Al-Hidayah</i> dan rancangan <i>TV Al-Hijrah</i> adalah salah satu usaha dalam mempertingkatkan dan sebagai panduan dalam ibadat khusus kita juga.
3	P	<ul style="list-style-type: none"> • Belajar dengan ustaz dan hadir ke kelas yang dianjurkan oleh JAIS.
4	P	<ul style="list-style-type: none"> • Belajar dan terus belajar untuk meningkatkan lagi kefahaman serta berusaha ke arah mengelokkan lagi ibadat tersebut.
5	L	<ul style="list-style-type: none"> • Usaha untuk menambahkan lagi ilmu dengan belajar lagi seperti mengikut kursus. • Menjadi 'role model' untuk Saudara Kita yang lain.
6	L	<ul style="list-style-type: none"> • Usaha kita adalah belajar, bertanya, mentelaah dan membuat rujukan buku yang berkaitan dengan Islam dan ibadah khusus supaya tidak terikut-ikut dengan perkara yang tidak betul. • Cara mengelokkan lagi dengan belajar, menuntut dan mengkaji. Jangan berputus asa, seperti maksud hadith : "Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad."
7	L	<ul style="list-style-type: none"> • Tanamkan semangat dalam diri untuk mempertingkatkan lagi kefahaman dan kelemahan diri perlu dibaiki. Dilakukan secara berterusan kerana masih melihat kelemahan diri sendiri. • Cara mengelokkan lagi dengan memperbaiki kelemahan diri adalah sebagai contoh solat, masih ada lagi yang belum ditunaikan iaitu solat sunat. Maka dengan melihat kelemahan diri dan kekurangan dalam ibadah boleh menjadi pendorong kepada memperelokkan lagi ibadah tersebut.
8	L	<ul style="list-style-type: none"> • Menambah ilmu dengan membaca buku, pergi ke masjid, hadiri usrah dan ikut jemaah tabligh. Terutama setiap apa yang kita pelajari itu perlulah dikaji dahulu untuk mencari kebenarannya.

R : Responden

J : Jantina, L : Lelaki, P : Perempuan

Sumber : (Maklumat temu bual)

Terdapat banyak usaha Saudara Kita dalam mempertingkatkan kefahaman dan memperelokkan lagi ibadat khusus. Antaranya, menghadiri kelas yang disediakan oleh USK, JAIS dan kelas di masjid atau surau kepada Saudara Kita sendiri, belajar melalui pembacaan buku tentang Islam dan ibadat, bertanya kepada orang yang lebih mengetahui seperti guru, ustaz dan kawan-kawan sesama Islam. Selain daripada itu, melalui media massa seperti radio, rancangan TV seperti *Al-Kuliyah*, *Al-Hidayah*, *Hal Ehwal Islam* dan banyak lagi program-program yang berunsurkan dakwah.

Menurut responden 6¹⁵, berusaha untuk meningkatkan kefahaman dengan cara membaca, mentelaah dan membuat rujukan supaya kita tidak semena-mena mengikut apa yang kita dapat dalam buku tanpa membuat rujukan serta bertanya kepada yang lebih faham dan berpengetahuan. Selain itu, perlunya kita belajar lagi untuk lebih mengetahui dan mengelokkan serta mencantikkan lagi pelaksanaan ibadah kita dengan menuntut ilmu dan mengkaji supaya dapat dilaksanakan selari dengan kehendak syariah. Responden ini juga memberi peringatan bahawa janganlah kita berputus asa untuk mencari ilmu dan terus belajar untuk menambah ilmu. Penjelasan ini dikuatkannya lagi dengan kata pepatah, ” tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad .”

Tanamkan semangat dalam diri untuk mempertingkatkan lagi kefahaman tentang ibadat khusus terutama solat, puasa dan perbaiki kelemahan diri. Ia hendaklah dilakukan secara berterusan kerana kelemahan itu masih wujud dalam diri kita. Ini ditegaskan oleh responden 7¹⁶ di mana beliau menjelaskan cara mengelokkan lagi ibadat kita dengan cuba memperbaiki kelemahan diri sebagai

¹⁵ Abdul Mutualib Abdullah, *op.cit.*

¹⁶ Yaakub Abdullah, *op. cit.*

contoh dalam ibadah solat dan puasa, masih banyak lagi yang belum dapat melaksanakan yang sunat-sunat seumpama solat sunat atau puasa sunat. Begitu juga dengan belajar membaca al-Quran dengan tajwid tetapi belum belajar taranum dan sebagainya. Maka dengan melihat kelemahan diri dan kekurangan dalam ibadah boleh menjadi pendorong kepada mempertingkatkan lagi kefahaman dan memperelokkan lagi ibadah tersebut. Sebagaimana dijelaskan dalam jadual.

Manakala menurut responden ¹⁷, menambah ilmu dengan menghadiri usrah dan mengikut jemaah tabligh juga adalah satu usaha untuk mempertingkatkan kefahaman dalam ibadah. Beliau menambah, terutamanya setiap apa yang kita pelajari itu perlulah dikaji terlebih dahulu untuk mencari kebenarannya.

Di sini dapat kita lihat betapa pentingnya menuntut ilmu dan mengamalnya. Ilmu itu juga yang bertindak sebagai “alat” yang boleh menjamin kehidupan kita sekiranya fungsinya ini benar-benar difahami dan diaplikasikan di dalam kehidupan kita semua.

4.3.2.4 Halangan Dan Masalah Dalam Memahami Dan Melaksanakan Ibadat Khusus

Terdapat banyak halangan dan masalah yang dihadapi Saudara Kita dalam memahami dan melaksanakan ibadat khusus terutama solat dan puasa. Kebanyakan responden menyatakan halangan mereka dalam memahami dan melaksanakan ibadat khusus adalah halangan daripada keluarga, penerimaan masyarakat Islam terhadap

¹⁷ Mohd Amir Ridhuan Abdullah, *op.cit.*

mereka, krisis identiti dan persekitaran. Ini ditegaskan oleh responden 1¹⁸ dan responden 4¹⁹.

Pada tahap awal, ia merupakan satu kehidupan yang baru dan sukar sekali seperti halangan daripada keluarga dan persekitaran bukan Islam. Semasa mula-mula memeluk Islam dengan keimanan yang belum kuat di dalam diri telah menjadi satu halangan dalam melaksanakan ibadah solat dan puasa di kampung sendiri dengan persekitaran orang bukan Islam. Tetapi halangan seperti ini dapat diatasi setelah memahami tentang Islam dan sudah mempunyai kekuatan dalam diri.

Selain itu, penerimaan orang Islam terhadap Saudara Kita juga menjadi satu halangan bagi mereka. Ini dijelaskan oleh responden 5²⁰ yang merupakan seorang guru agama, di mana beliau menjelaskan pada mula-mula mempelajari dan belajar tentang Islam, beliau diketawakan. Ini memberi beban kepadanya. Beliau dikatakan membawa ajaran sesat ketika mengajar sesama Saudara Kita sendiri.

Menurut responden 2²¹, halangan dan masalah juga datangnya dari diri sendiri dan keluarga. Dengan kerentan anak yang memberi tekanan dalam untuk melaksanakan ibadah menjadikan diri tidak kuat dan lemah. Kurangnya sokongan daripada keluarga yang juga kurang dalam pengetahuan agama untuk membimbang dan membantu dalam memahami tentang Islam secara lebih mendalam terutama dalam ibadat khusus ini. Beliau menambah, walaupun buku boleh dijadikan panduan tetapi belajar melalui buku dengan tanpa guru juga boleh membawa kepada perkara yang tidak baik atau sesat.

¹⁸ Qurratul Ain Rantai Abdullah, *op. cit.*

¹⁹ Rasyidah Abdullah, *op.cit.*

²⁰ Nizam Abdullah, *op. cit.*

²¹ Nurul Zarina Abdullah, *op. cit.*

Responden juga menyatakan bahawa halangan dan masalah memang sentiasa ada sehingga sekarang tetapi halangan ini boleh diatasi dengan kesabaran dan memerlukan keyakinan yang tinggi dalam memahami dan melaksanakan ajaran dan amalan dalam Islam. Ini dijelaskan oleh responden 3²². Begitu juga dengan masalah dalam memahami ibadat ini iaitu masalah utama dalam kehidupan yang baru ini dan sebagai muaalaf atau seorang muslim adalah masalah ilmu yang sangat cetek dan ini dapat diatasi dengan sentiasa menuntut ilmu dan mempraktikkan atau mengamalkan apa yang dipelajari. Ini ditegaskan oleh responden 6²³.

Bagi responden 8²⁴, masalah beliau hanya dalam mencari guru yang benar-benar secara bersendirian dapat membimbing di dalam pelaksanaan ibadah solat dan ibadah lain kerana dengan adanya guru kita dapat memahami dan melaksanakan ibadah solat dan ibadah lain dengan cara yang betul dan yang selari dengan kehendak syariah.

Di sini dapat pengkaji simpulkan, pepatah ada mengatakan ”berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian” dapat diaplikasikan kepada konsep untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Pelbagai cabaran terpaksa dihadapi untuk memperolehi ilmu pengetahuan. Namun begitu, setiap kesusahan tersebut akan terbalas dengan kebahagiaan yang sedia menanti di kemudian hari. Memang benar, cinta Allah perlukan mujahadah.

²² Siti Nursiah Abdullah, *op. cit.*

²³ Abdul Mutalib Abdullah, *op.cit.*

²⁴ Mohd Amir Ridhuan Abdullah, *op.cit.*

4.3.2.5 Kewajaran Ibadat khusus Diteruskan Dalam Kehidupan

Rukun Islam yang lima atau juga ibadah khusus iaitu solat, puasa, zakat dan haji ini wajib diketahui dan dipatuhi serta diamalkan oleh setiap orang yang mengaku dirinya seorang Islam. Rukun Islam yang lima itu merupakan asas bagi keislaman seseorang. Tidaklah sempurna keislaman seseorang itu selagi rukun-rukun yang lima ini diabaikan.

Melihat kepada maklumat temu bual daripada semua responden, mereka menyatakan bahawa wajarlah ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji diteruskan dalam kehidupan. Ini kerana ibadat khusus itu adalah yang wajib dan amalan-amalan ibadah ini dapat membentuk diri kita sebagai orang Islam²⁵. Selain itu, responden 1²⁶, responden 4²⁷ dan responden 8²⁸ juga menegaskan bahawa ibadat khusus adalah sangat wajar diteruskan kerana ia merupakan perintah Allah dan wajib dilaksanakan. Manakala responden 2²⁹ pula menjelaskan bahawa ia adalah bekalan kita di dunia dan akhirat. Jelaslah di sini, ia sangat wajar diteruskan.

Gejala negatif atau masalah sosial dalam kalangan remaja atau belia dapat dibendung dengan adanya pendidikan agama dan moral yang dapat menentukan arah kehidupan mereka. Pendidikan agama seperti amalan ibadah solat diterima dapat mengelakkan seseorang itu daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan agamanya dan dapat membentuk akhlak yang mulia. Selain itu, kenapa ibadat khusus wajar diteruskan dalam kehidupan adalah kerana untuk membuktikan bahawa

²⁵ Siti Nursiah Abdullah, *op. cit.*

²⁶ Qurratul Ain Rantai Abdullah, *op. cit.*

²⁷ Rasyidah Abdullah, *op.cit.*

²⁸ Mohd Amir Ridhuan Abdullah, *op.cit.*

²⁹ Nurul Zarina Abdullah, *op. cit.*

Islam adalah agama yang terbaik di muka bumi Allah ini. Ini ditegaskan oleh responden 5³⁰.

Menurut responden 7³¹, amalan-amalan ibadat khusus perlu diterapkan dalam diri dan wajar diteruskan dalam kehidupan terutama sebagai seorang Islam. Ini kerana untuk membuktikan agama Islam itu agama yang betul dan tepat. Sebagai contoh ibadah zakat, ia adalah satu tuntutan yang wajib serta terdapat beberapa hikmah atau faedah-faedah tersendiri dan tertentu bagi orang Islam. Antaranya, menanamkan semangat dan perasaan kasih sayang sesama umat Islam dan dapat membantu orang fakir miskin yang tidak berkemampuan dan orang-orang yang berhak menerimanya. Maka konsep menunaikan atau mengeluarkan zakat ini sangat baik untuk sebuah negara Islam.

Tanpa mengerjakan ibadat khusus terutama ibadah solat, kehidupan seseorang tidak akan mendapat kebajikan. Ini ditegaskan oleh responden 6³² yang menjelaskan bahawa ibadah solat adalah salah satu pekerjaan yang diwajibkan kerana tujuannya adalah untuk mengingati Allah SWT. Sebagai contoh, jika seseorang itu melaksanakan solat. Itu bererti dia sedang berhadapan dengan Allah SWT dan sekali gus memberi kesedaran bahawa kehidupan ini sangat memerlukan penciptanya iaitu Allah SWT. Dengan bersolat juga dapat membuatkan jiwa kita tenang dan tenteram. Ini jelas menunjukkan bahawa orang yang tidak mengerjakan solat, orang itu dapat dikatakan tidak takut dan tidak tawakal terhadap Allah, maka dengan sendirinya tidak ada kebajikan baginya. Beliau menambah, solat adalah dari hasil takut dan tawakal kepada Allah SWT. Dalam hal ini termasuk juga di dalamnya

³⁰ Nizam Abdullah, *op. cit.*

³¹ Yaakub Abdullah, *op. cit.*

³² Abdul Mutalib Abdullah, *op.cit.*

puasa, zakat serta haji. Jadi, jelas kesemuanya itu adalah hasil dari mendirikan solat fardhu. Maka adalah sangat wajar ibadat khusus diteruskan dalam kehidupan.

4.3.2.6 Peranan USK Dan JAIS Dalam Memberi Pemahaman Ibadat Khusus Dan Pelaksanaannya

Urusetia Saudara Kita (USK) dan JAIS telah memainkan peranan yang penting dalam usaha memberi kefahaman ibadat khusus dan sekali gus pelaksanaannya. Banyak program-program yang disusun untuk Saudara Kita. Ini ditegaskan oleh semua responden. Antaranya, mengadakan kelas mingguan kepada mereka, ceramah, forum dan ijtimai' Saudara Kita. Selain itu, terdapat juga program-program yang berbentuk agama untuk membentuk hati dan akhlak serta membangkitkan semangat untuk Saudara Kita belajar dan mempraktik ajaran Islam dan supaya lebih faham tentang agama Islam. Penjelasan ini dijelaskan lagi oleh responden 6³³. Responden 5³⁴ juga sependapat dengan responden 6 yang mana beliau mengatakan pihak JAIS dan USK benar-benar mengambil berat dalam mengajar Saudara Kita dengan menyusun program-program dan kelas supaya lebih memahami tentang Islam dan sebagai 'follow-up' pihak mereka terhadap Saudara Kita.

Di samping itu, pihak USK dan JAIS juga giat mengerakkan dakwah khasnya Saudara Kita seperti program pergi ke perkampungan yang terdapat Saudara Kita. Mengadakan kursus tentang ibadat khusus seperti bengkel solat. Kursus seperti ini dapat membantu mempertingkatkan lagi kefahaman dalam ibadat khusus mereka. Penjelasan ini dijelaskan oleh responden 7³⁵. Justeru , beliau menekankan bahawa Saudara Kita juga mestilah berusaha dan melibatkan diri dalam program-program

³³ Abdul Mutalib Abdullah, *op.cit.*

³⁴ Nizam Abdullah, *op. cit.*

³⁵ Yaakub Abdullah, *op. cit.*

yang dapat mempertingkatkan mereka dalam pelaksanaan ibadat khusus tanpa menunggu pihak USK atau JAIS mengadakan program untuk mereka. Fikiran mereka hendaklah diperluaskan untuk mencari peluang-peluang untuk menambah ilmu yang lebih baik bagi diri sendiri serta meningkatkan tahap kefahaman tentang Islam khususnya dalam ibadat khusus.

Di sini dapat pengkaji simpulkan bahawa pihak USK, JAIS, JAKIM, HIKMAH dan lain-lain lagi mempunyai peranan yang sangat penting dalam menjadi da'ie dan menyampaikan dakwah khususnya kepada Saudara Kita secara berterusan dan amnya kepada masyarakat Islam mahupun bukan Islam.

4.4 RUMUSAN

Berdasarkan beberapa dapatan kajian dan penganalisaan yang telah dilakukan dalam bab ini, pengkaji dapat melihat bagaimana kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus iaitu solat, puasa, zakat dan haji dalam kalangan Saudara Kita di Urusetia Saudara Kita (USK) Kuching, Sarawak. Selain itu, pengkaji juga dapat melihat bagaimana peranan pihak USK, JAIS dan agensi-agensi lain dalam berdakwah kepada Saudara Kita dan sekali gus mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dalam memahami dan melaksanakan ibadat khusus tersebut. Kesimpulan kajian ini akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab kelima.